

Kerajaan sediakan 4,050 pusat pemindahan bagi sejuta mangsa seluruh negara

Siap sedia hadapi banjir besar

Oleh HABIBAH OMAR
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

UM 25/11/2006

Fenomena itu berlaku kerana faktor musim monsun timur laut di negeri-negeri itu mulai bulan ini

PUTRAJAYA 24 Nov. - Banjir besar musim tengkujuh dijangka melanda kawasan Pantai Timur, Tengah dan Selatan Semenanjung mulai bulan ini, dengan bilangan mangsa banjir dianggarkan berjumlah kira-kira satu juta orang.

Jabatan Meteorologi mengesahkan, Kelantan dan Terengganu akan menerima hujan secara berterusan dan kadangkala lebat serta boleh bertahan selama dua hingga tiga hari dalam tempoh-tempoh tertentu sepanjang bulan ini dan Disember depan.

Pahang dan Johor pula akan mengalami keadaan cuaca yang sama mulai akhir bulan ini hingga awal Januari.

Fenomena itu berlaku kerana faktor musim monsun timur laut di negeri-negeri itu mulai bulan ini.

Kawasan Pantai Barat pula dijangka mengalami banjir kilat.

Ekoran perkembangan tersebut, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan menyediakan 4,050 pusat pemindahan banjir yang mampu menempatkan kira-kira sejuta mangsa di seluruh negara sebagai persediaan menghadapi musim tengkujuh.

Timbalan Perdana Menteri yang mempekerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengerusan dan Bantuan Bencana Pusat (JPBBP) di sini hari ini berkata, pusat pemindahan itu boleh dibuka bila-bila masa apabila keadaan memerlukan.

Menurutnya, segala persiapan menghadapi banjir telah dijalankan dan beberapa peringatan dikeluarkan kepada jabatan dan agensi terbabit.

"Antara peringatan itu ialah semua tindakan yang perlu dilakukan hendaklah benar-benar sampai kepada sasarannya dan tindakan yang perlu diberi hendaklah segera, maknanya pantas dan sampai kepada kumpulan sasaran.

"Umpamanya kalau mereka (mangsa banjir) pindah ke pusat pemindahan, setibanya di sana bantuan mesti diterima oleh mereka, oleh itu segala keperluan logistik hendaklah dilakukan terlebih dahulu," katanya.

Dalam mesyuarat JPBBP itu katanya, panduan diberikan kepada jabatan dan agensi terbabit supaya segala aset yang diperlukan termasuk bot dan helikopter harus ditempatkan di negeri-negeri berkenaan sebelum banjir berlaku.

Selain itu, kata beliau, perbincangan me-

ngenai pencegahan juga diadakan dengan meminta pengetua dan guru besar memberikan latihan kepada pelajar sebagai persediaan menghadapi banjir.

Mengenai bantuan kewangan, Timbalan Perdana Menteri berkata, sebanyak RM80.5 juta telah diperuntukkan tahun ini untuk pelbagai jenis bencana termasuk pemindahan banjir, bantuan ihsan, rumah rosak, binatang ternakan yang hilang dan kerosakan tanaman.

"Buat masa ini, kerajaan sedang menimbang permohonan bantuan dari Kelantan, Kedah, Terengganu, Pahang, Johor dan Sabah berjumlah RM13.9 juta," katanya.

Mengenai banjir yang dijangka berlaku di beberapa negeri dalam masa terdekat ini, beliau berkata, sukar untuk membuat ramalan tentang keadaan cuaca namun hujan di Semenanjung agak tinggi daripada biasa ketika ini.

■ Lihat muka 2

Siap sedia hadapi banjir besar

UM 25/11/2006

"Di Sabah dan Sarawak pula, keadaan taburan hujan agak rendah daripada keadaan biasa, jadi kita tak boleh pegang kepada ramalan untuk tempoh dua tiga bulan ini," kata Najib.

Menurut Jabatan Meteorologi, sepanjang musim itu, jumlah taburan hujan bulanan di kawasan berkenaan akan naik

mendadak khususnya di Kelantan dan Terengganu iaitu antara 600 hingga 800 milimeter (mm).

"Pada musim ini tempoh-tempoh hujan di Kelantan dan Terengganu adalah menyeluruh dan berterusan. Kadangkala ia lebat serta bertahan selama dua hingga tiga hari. "Keadaan itu akan berlaku dalam tiga hingga empat kejadian antara bulan ini dan Disember akan datang," menurut jurucakap jabatan itu.

Pahang dijangka menerima pola hujan yang sama mulai lewat bulan ini hingga awal Januari depan dengan hujan dijangka turun secara berterusan dan kadangkala lebat.

Seperti mana Kelantan dan Terengganu, keadaan hujan di Pahang juga dijangka bertahan selama dua hingga tiga hari untuk dua hingga tiga kejadian sepanjang tempoh tersebut.

Sepanjang musim itu, bahagian timur Pahang akan menerima hujan yang lebih banyak berbanding di bahagian barat negeri berkenaan.

"Dalam bulan Disember jumlah hujan bulanan yang dijangka turun di kawasan tersebut khususnya kawasan pantai adalah antara 550 hingga 750 mm," kata jurucakap itu.

Timur Johor juga tidak terkecuali apabila kawasan itu akan menerima hujan yang lebih menyeluruh berbanding kawasan-kawasan lain.

Pada bulan depan, jumlah hujan bulanan di kawasan itu dijangkakan antara 280 mm hingga 680 mm terutama di kawasan berhampiran pantai menghadap Laut China Selatan.

Jurucakap itu berkata, kawasan Pantai Barat tidak teruk terjejas sepanjang berlakunya musim Monsun Timur Laut.

Ketika ditanya keadaan negeri di bahagian Utara Semenanjung seperti Kedah dan Perlis, jurucakap itu berkata, berdasarkan sejarah dua negeri itu pernah menerima hujan lebat secara berterusan sehingga menyebabkan banjir tetapi untuk tahun ini kemungkinan itu belum dapat dipastikan lagi.